

BN akan menang besar — Dr. M

UM 14 SEP 2003

Oleh **AZNAN BAKAR**
dan **HATA WAHARI**

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kejayaan yang lebih baik pada pilihan raya umum ke-11 berbanding pilihan raya umum tahun 1999.

Perdana Menteri berkata, ia berdasarkan kepada penerimaan rakyat terhadap BN yang bertambah di samping keupayaan BN sendiri untuk menyelesaikan apa juga masalah dalamannya.

“Kedudukan BN sekarang bertambah baik, kita sudah selesaikan banyak masalah, dan kita fikir boleh selesaikan apa juga masalah antara parti komponen, lama sebelum pilihan raya,” katanya yang juga Pengerusi BN pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Kata beliau, rakyat juga sekarang semakin menghargai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan negara.

“BN sekarang diterima baik (oleh rakyat), mereka menghargai apa yang kita lakukan kepada ne-

gara dan mereka nyatakan dalam pelbagai perkara.

“Saya juga fikir rakyat sangat mesra dengan BN dan BN mempunyai peluang lebih baik kali ini berbanding 1999,” ujarnya.

Sementara itu, menurut beliau, mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini menerima penarikan balik penggantungan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) MCA.

Perdana Menteri berkata, dengan penarikan itu, kedua-dua mereka kini kembali diterima sebagai ADUN BN dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

“Penarikan balik penggantungan mereka diterima oleh BN,” katanya.

Kedua-dua mereka ialah ADUN Jawi, Tan Cheng Liang dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) digantung setelah mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP di DUN Pulau Pinang pada 21 November lalu.

Usul itu ialah bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Bagaimanapun Majlis Presiden MCA yang bermesyuarat 10 Julai

lalu mengambil keputusan menarik balik hukuman penggantungan keahlian kedua-duanya sebelum dibawa ke Majlis Tertinggi BN.

Mengenai kedudukan Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) dalam BN pula, beliau berkata, ia masih menunggu keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengenai kedudukan parti itu.

Oleh itu, kata beliau, wakil parti itu tidak ada dalam mesyuarat hari ini.

Ketika diminta mengulas kedudukan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) pula, Dr. Mahathir berkata, ia bergantung kepada keputusan mahkamah mengenai kedudukan parti itu.

Katanya, jika mahkamah membuat pengesahan status, maka mereka perlu mengemukakan permohonan baru untuk menjadi ahli BN kerana sebelum ini dibatalkan oleh ROS.

“Snap dikeluarkan dari BN atas keputusan ROS, kalau mahkamah kata sah, mereka kena buat permohonan baru dan kita akan buat keputusan (untuk terima atau tidak)” katanya.